

BAB III

TAKHRIJ ḤADĪTH-ḤADĪTH ZAYD IBN THĀBIT DI DALAM SUNAN SITTAH

## TAKHRĪJ HADĪTH-HADĪTH ZAYD IBN THĀBIT DI DALAM SUNAN SITTAH

TakhrĪj hadĪth adalah satu pengajian yang sangat penting di dalam Ilmu HadĪth. Melalui takhrĪj pengkaji dapat mengetahui sesuatu hadĪth itu sama ada sahih, hasan, daif dan sebagainya. Dalam kajian ini penulis membentangkan bagaimana hadith Zayd Ibn Thābit ditakhrĪjkan dan kaedah yang digunakan di dalam takhrĪj ini.

3.1 Pengertian takhrĪj.

Perkataan TakhrĪj berasal dari bahasa Arab yang bermaksud jelas dan ketara. Manakala di kalangan pengkaji hadĪth pula takhrĪj diertikan sebagai perawi menyebut sanadnya di dalam kitab mereka ketika meriwayatkan hadĪth.<sup>74</sup>

TakhrĪj juga boleh diertikan bahawa penyusun membukukan hadĪth-hadĪth dengan menggunakan sanadnya sendiri dan tidak mengikut kitab yang

---

<sup>74</sup> Abu Muhammad 'Abd al-Muhdi Ibn al-Qadir Ibn 'Abd al-Hadi, Turuq TakhrĪj HadĪth Rasulullah (s. 'a.w.), (Kaherah: Dār al-I tisam, t.t.), m.s.

asal. Mereka mengumpul hadīth-hadīth melalui guru atau murid kepada guru termizi seperti mana Abu Bakar al-Isma'ili melalui Imam Bukhāri dan Abu 'Awanah mentakhrijkan berpandukan Imam Muslim, Abu Ali al-Ṭuṣi berpandukan Imam Tirmizi dan sebagainya.<sup>75</sup>

Secara umumnya takhrij itu ialah:

a- Menyebut hadīth berserta sanadnya. Kadangkala penyusun menulis keadaan sanadnya dan kadangkala mengenai matannya. Sebagai contohnya dapat dilihat dalam Sunan Tirmizi, Sunan Abu Dāwud dan lain-lain kitab hadīth.

b- Menyebut sanad-sanad yang lain bagi setiap hadīth. Setelah itu ia dibukukan dengan tujuan untuk menguatkan sanad dan penambahan pada matan.

c- Setelah berlaku penyusunan dan pembukuan terhadap hadīth, dapat dilihat takhrij adalah sebagai menaikkan taraf hadīth.<sup>76</sup>

Jika diteliti kepada takrif yang dikemukakan di atas, jelas menunjukkan bahawa takhrij berfungsi sebagai bukti untuk melihat keadaan sesuatu hadīth, serta membuktikan sanadnya terputus atau tidak. Takhrij juga adalah sebagai penjelas kepada hadīth-hadīth yang terdapat ke-

---

<sup>75</sup> Nasr Farid Muhammad Wasil, Al-Wasit Fi 'Ilm Mustalah al-Hadīth, cet. i, (Mesir: Matba'ah al-Amanah, t.t.), m.s. 70.

<sup>76</sup> Abu Muhammad 'Abd al-Muhdi, op. cit., m.s. 10.

samaran pada sanad atau perawinya.

### 3.2 Tujuan Takhrij.

Takhrij memberi faedah yang besar kepada pengkaji hadith. Ia bertujuan untuk mengetahui sumber hadith, keadaannya dari sudut diterima atau ditolak.<sup>77</sup>

### 3.3 Faedah Takhrij.

Bagi para pengkaji dan penyelidik dalam bidang Ilmu Hadith, mereka amat memerlukan takhrij bagi memudahkan serta melicinkan kajian. Ia mempunyai banyak faedah, di antaranya ialah dapat mengetahui sumber hadith. Melaluinya para pengkaji dapat mengetahui siapakah yang mengeluarkan hadith dan kedudukan hadith tersebut di dalam kitab yang asal. Begitu juga mereka dapat menggumpul seberapa banyak sanad-sanad hadith. Ini adalah kerana melalui takhrij mereka berpeluang menggunakan banyak buku rujukan sehingga mereka sampai kepada sanad yang berbeza bagi setiap hadith.

Melalui takhrij juga pengkaji dapat mengenal keadaan sesuatu ha-

---

<sup>77</sup> Ibid, m.s. 11.

dīth sama ada sahih atau daif. Hadīth daif ialah ḥadīth yang tidak mencukupi syarat-syarat yang diperlukan bagi ḥadīth sahih dan ḥadīth ḥasan. Ini termasuklah tidak bersambung di antara seorang perawi dengan perawi yang lain, perawi tidak adil, perawi tidak " ضابطا ", tidak mempunyai " ساند ", mempunyai " علة " iaitu satu kecacatan di dalam ḥadīth yang menjadikannya daif.<sup>78</sup>

Takhrij juga dapat menaikkan sesuatu ḥadīth dari daif kepada ḥasan. Hadīth ḥasan ialah ḥadīth yang bersambung dari yang meriwayatkannya sehingga sampai kepada Rasulullah (s. 'a.w.). Perawi-perawi itu bersifat adil dan kurang sempurna " ضابطا " dan ḥadīth itu tidak mempunyai " ساند " dan " علة ".<sup>79</sup> Di samping itu melaluinya dapat dibezakan sanad-sanad yang cuai dan sebaliknya.

Kadangkala berlaku kesamaran pada makna atau berlaku kesamaran pada orang yang disebut di dalam matan ḥadīth. Melalui takhrij terdapat berbagai-bagai cara untuk menentukan kesamaran ini. Begitu juga ia dapat menjelaskan sama ada riwayat bercampur atau tidak. Kadangkala seorang perawi itu menggunakan nama gelaran dan tidak menggunakan nama sebenar. Oleh itu takhrij dapat menentukan dengan jelas siapakah perawi dan nama sebenar perawi tersebut.

---

<sup>78</sup> Huda Muhsin, m.s. 25.

<sup>79</sup> Ibid, m.s. 23.

Jika diteliti sesuatu hadīth, terdapat maknanya yang tidak dinyatakan dengan dengan terang. Kadangkala terdapat pula penambahan riwayat yang sukar dikesani. Dengan adanya takhrij pengkaji dapat mengesan penambahan tersebut dan dapat mengetahui maksud sesuatu hadīth dengan jelas. Begitu juga sesetengah hadīth terdapat perkataan yang sukar difahami tetapi melalui takhrij perkara tersebut dapat diatasi. Ini adalah kerana ia memberi peluang kepada pengkaji untuk meneliti kepada hadīth-hadīth yang lain dan riwayat yang lain, sehingga dapat diketahui kedudukan perkataan dan maknanya.

Takhrij juga berfungsi untuk menjelaskan serta menyelesaikan hukum yang tidak menurut kaedah. Kadangkala diletakkan hukum terhadap sesuatu hadīth atau lafaznya tidak menurut kaedah. Melalui takhrij yang melihat kepada riwayat-riwayat yang lain dapat menjelaskan dengan tepat mengikut kaedah tertentu. Di samping itu ia juga dapat menerangkan kekurangan sesuatu hadīth. Kadangkala perawi lupa atau meringkaskan sebahagian daripada hadīth. Melaluinya dapat ditentukan apa yang diringkaskan oleh perawi atau apa yang terlupa oleh perawi. Ia juga menjelaskan kesamaran dan kesilapan perawi.

Terdapat sesetengah perawi merawikan dengan makna tetapi melalui takhrij dapat dilihat riwayat yang diriwayatkan dengan menggunakan lafaz. Begitu juga ia menerangkan masa dan tempat berlakunya sesuatu peristiwa

dan kejadian. Ini dapat dilihat setelah dikumpul riwayat-riwayat hadīth melalui takhrii hadīth. Di samping itu pengkaji-pengkaji dapat mengetahui sebab-sebab hadīth diturunkan dan mereka dapat menghimpunkan riwayat berhubung dengan sesuatu hadīth, mengenalpasti mengenai apa dan kepada siapa ia diturunkan.

Kadangkala terdapat kesilapan pada sanad atau matan hadith. Pengkaji dapat melihat berbagai-bagai riwayat yang lain dan dapat mengesan kesilapan itu. Ianya sangat penting terutama kepada generasi sekarang kerana takut berlakunya perluasan penyibaran hadīth yang berlainan dari yang asal. Terdapat juga berlaku pertentangan antara sanad-sanad "انتقال" atau "احتيال". "انتقال" ialah jika terdapat tabi'i yang digugurkan dan "احتيال" pula ialah jika dua orang rawi digugurkan berturut-turut.<sup>80</sup>

Begitu juga Inqita' dapat dikesani kerana perawi yang mempunyai kelebihan daripada perawi itu. Di samping itu hadith tersebut terdapat kesamaran dan hanya diketahui oleh orang yang mempunyai keahlian sahaja.<sup>81</sup> Melalui takhrii pengkaji dapat mengenalpasti sanad-sanad yang digugurkan iaitu dengan melihat kepada perawi yang tidak sezaman dengan gurunya atau mereka sezaman tetapi tidak mendapat "ijazah" untuk meriwayatkan hadīth.

---

<sup>80</sup> Dr. Mustafa Zahri, Kunci Memahami Mustalahul Hadīth, cet. i, (Surabaya: Pt. Bina Ilmu, 1981), m.s. 57.

<sup>81</sup> Ibid, m.s. 78.

Pengkaji juga dapat mengetahui hukum-hukum Imam terhadap sesuatu hadith, pandangan mereka sama ada sahah dan sebagainya. Hadith Sahih dapat dikenalpasti dengan melihat kepada sanadnya yang bersambung dan tidak janggal, tidak cacat ( علة ) rawinya dan dābit. Kedābitannya serta penukilannya adalah kuat.<sup>82</sup>

Kadangkala perawi menggunakan perkataan mereka sendiri ( المرج ). Melalui takhrīj dapat dibezakan antara kata perawi dengan lafaz Nabi. Pengkaji juga dapat memastikan tidak berlaku sanad " عنه الدل " iaitu penipuan pada sanad. Terdapat sesetengah hadīth yang sanadnya bersambung dan terputus. Hadīth Muttasil iaitu hadīth yang bersambung sanadnya ialah hadīth yang rawinya mendengar secara langsung dari orang yang merawikan kepadanya sehingga sampai kepada Rasulullah atau sampai kepada sahabat.<sup>83</sup>

Mudallas berlaku dalam dua keadaan atau lebih. Pertama, digugurkan bagi gurunya atau perawinya tetapi dia merawikannya dengan perkataan "'anna" atau "'an" tanpa nama gurunya. Kedua, tidak digugurkan perawinya tetapi sifat perawinya tidak diketahui atau tidak masyhur.<sup>84</sup>

---

<sup>82</sup> Ibid, m.s. 43.

<sup>83</sup> Ibid, m.s. 57.

<sup>84</sup> Ibid, m.s. 79.



Takhrij dapat memastikan sama ada sesuatu ḥadīth itu terputus sanadnya atau tidak. Takhrij juga diibaratkan sebagai perbendaharaan kepada pengajian ḥadīth.<sup>85</sup>

#### 3.4 Kaedah Yang Digunakan Dalam Takhrij.

Penulis menggunakan buku Dhākhāir al-Mawāriṭh karangan Abd Ghani al-Nabulusiy bagi mendapatkan ḥadīth-ḥadīth riwayat Zayd Ibn Thābit. Kemudiannya penulis merujuk kepada buku-buku yang ditunjukkan oleh Dhākhāir al-Mawāriṭh iaitu kitab Sahih Bukhāri, Sahih Muslim, Sunan Abu Dāwūd, Sunan Tirmizi, Sunan Ibn Majah dan kitab Muwatta' Imam Malik. Ia dikenali dengan kitab Sunan Sittah.

Penggunaan kitab Dhākhāir al-Mawāriṭh ada ah kerana ia banyak mempunyai keistimewaannya. Antaranya ialah kitab ini mempunyai susunan yang tepat serta senang mendapatkan ḥadīth-ḥadīth yang dikehendaki. Begitu juga melaluinya penulis dapat mengetahui ḥadīth-ḥadīth setiap sahabat yang riwayatnya terdapat di dalam Sunan Sittah, ḥadīth-ḥadīth Mursal dalam kitab Sunan Sittah dan mengetahui nama-nama yang mubham (iaitu perawinya tidak disebutkan). Kesemua ini adalah sebagai jalan untuk mengenalpasti sama ada sanadnya bersambung atau tidak.

---

<sup>85</sup> Abu Muhammad Abd al-Muhdi, op. cit., m.s. 11.

Setelah penulis memperoleh maklumat-maklumat yang dikehendaki, penulis mencatat maklumat penting seperti matan hadīth, kitabnya, bab, juzu, muka surat hadīth tersebut dan bilangan hadīth sebagaimana tertulis di dalam buku-buku rujukan. Penulis mencatat hadīth-hadīth yang diperolehi berdasarkan kitab-kitab yang tertinggi darjatnya seperti Sahih Bukhāri, Sahih Muslim, Sunan Abu Dāwūd, Sunan Tirmizi, Sunan Nasāi, Sunan Ibn Mājah dan Muwatta. Ketika membuat rujukan dalam kitab-kitab tersebut, terdapat hadīth-hadīth yang berbeza dari segi lafaznya tetapi penulis menganggap hadīth yang sama sekalipun berbeza lafaznya.

Namun terdapat hadīth-hadīth yang penulis dapati tidak terdapat di dalam kitab atau bab yang dinyatakan oleh kitab Dhākhāir al-Mawāriith. Justeru itu penulis menggunakan kitab Mu jam al-Mufahras Li Alfāz al-Hadīth al-Nabawiy susunan A. J. Wensinck. Kitab ini sebagai panduan kepada penulis bagi mendapatkan keterangan mengenai hadith dan juga perawinya, kitab serta bab yang tepat bagi hadīth-hadīth yang dinyatakan dalam kitab Dhākhāir al-Mawāriith.

Susunan penulisan bermula dari kitab yang tertinggi darjatnya. Penulis memetik hadīth-hadīth dari kitab Sahih Bukhāri sebagai buku rujukan utama. Kemudian diikuti dengan petikan hadīth-hadīth dari kitab Sahih Muslim, Sunan Abu Dāwūd, Sunan Tirmizi dan kitab-kitab lain yang lebih rendah kedudukannya seperti Sunan Nasāi, Sunan Ibn Mājah dan kitab Muwatta'.

3.5 Takhrij Hadīth-hadīth Zayd Ibn Thābit.

(1)

« فخر الله امره كبح منا عدينا »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dāwud di dalam Sunan Abi Dāwud dalam Kitab: العلم, Bab: فضل نشر العلم, 2: 289, dari Musaddad. Imam Tirmizi di dalam Sunan Tirmizi, dalam Kitab: العلم, Bab: ما جاء في الحديث على تبليغ السماع, 5: 33, Bil. H.: 2656, dari Mahmud Ibn Ghailān. Ibn Mājah di dalam Sunan Ibn Mājah, dalam Kitab: المقدمة, Bab: من بلغ علما, 1: 84, Bil. H.: 230, dari Muhammad Ibn 'Abd Allah Ibn Numayr dan 'Ali Ibn Muhammad.

(2)

« من كانت الدنيا أكبر همه »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Ibn Mājah di dalam Sunan Ibn Mājah dalam Kitab: الزهد, Bab: الهم بالدنيا, 2: 1357, Bil. H. : 4105, dari Muhammad Ibn Bashār.

(3)

« انهم تسكروا مع النبي صلى الله عليه وسلم ثم قاموا إلى الصلاة »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhāri di dalam S. Bukhāri, dalam Kitab: مواقيت الصلاة, Bab: وقت الغفر, 3: 217, Bil. H.:

551, dari Amru Ibn Asim, dalam Kitab: الصوم, Bab: قدركم

بين الصوم وهلاة الغفر, 8: 97, Bil. H.: 1801, dari Muslim Ibn

Ibrahim. Imam Muslim di dalam S. Muslim, dalam Kitab: الصيام,

Bab: فضل الصوم ... 2: 771, Bil. H.: 1097, dari Abi Bakar Ibn Abi

Shaybah. Imam Tirmizi di dalam Sunan Tirmizi, Kitab: الصوم, Bab :

ما جاء في تأخير الصوم, 3: 75, Bil. H.: 803, dari Yahya

Ibn Musa. Imam Nasāi dalam kitab Sunan Nasāi, Kitab: الصوم,

Bab: قدر ما بين الصوم ... 3: 117, dari Ishak Ibn Ibrahim dan

dari Ismail Ibn Mas'ud. Imam Ibn Majah dalam Kitab Sunan Ibn Mājah,

Kitab: الصيام, Bab: ما جاء في تأخير الصوم, 1: 540,

Bil. H.: 1694, dari 'Ali Ibn Muhammad al-Tanāfī.

(4)

« ان النبي صلى الله عليه وسلم نظر قبل اليمن  
فقال ، اللهم اقبل بقلوبهم »

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Tirmizi dalam Sunan Tirmizi,

Kitab: المناقب, Bab: في فضل اليمن, 5: 726, Bil. H. : 3934,

dari 'Abd Allah Ibn Abi Ziyad dan Ghayr Wāhid.

(5)

« ان رسول الله صلى الله عليه وسلم اتخذ هجرة من  
حسير في رمضان فصلى فيها ليالي . فضل بصلاته  
ناس من اصحابه . وفيه افضل الصلاة صلاة المرء  
في بيته الا المكتوبة »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhārī dalam S. Bukhārī, Ki-  
 tab: الأدب, Bab: صلاة الليل, 5: 101, Bil. H.: 700, dari  
 ‘Abd al-‘Alā Ibn Hamād, dalam Kitab: الإعتصام, Bab: ما يكره  
من كثرة السؤال, 23: 39, Bil.H.: 6848, dari Ishak, dalam Ki-  
 tab: الأدب, Bab: في الصلاة ..., 20: 231, Bil. H.:  
 5737, dari al-Makiy. Imam Muslim dalam S. Muslim, Kitab: صلاة المنافق  
و قصرها, Bab: لاستحباب صلاة بنافة في بيت ..., 1: 539, Bil.H.:781  
 dari Muhammad Ibn Mathna. Imam Abu Dāwūd dalam Sunan Abi Dāwūd, Kitab:  
الصلاة, Bab: فضل التطوع في البيت, 1: 334, dari Harun Ibn  
 ‘Abd Allah dan Ahmad Ibn Salleh. Imam Tirmizi dalam Sunan Tirmizi, Ki-  
 tab: الصلاة, Bab: ما جاء في فضل الصلاة لتطوع في البيت,  
 1:279, Bil. H.: 449, dari Muhammad Ibn Bashār . Imam Nasāi dalam Sunan Nasāi,  
 Kitab: الحث على الصلاة في البيوت ..., Bab: قيام الليل وتطوع النهار,  
 3: 197, dari Ahmad Ibn Sulaiman. Imam Muwatta dalam Sunan Muwatta, Ki-  
 tab: فضل صلاة الجماعة على صلاة الفرد, Bab: صلاة الجماعة,  
 1: 130, Bil. H.: 4, dari Abi al-Naḍr Mauliy ‘Umar Ibn ‘Ubayd Allah.

(6)

« روى النبي صلى الله عليه وسلم عن المخابرة »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dāwūd dalam Sunan Abi Dāwūd  
 dalam Kitab: البيع, Bab: في المخابرة, 2: 235, dari Abi Bakar  
 Ibn Abi Shaybah.

(ii)

## « في العمري والرقبي »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dāwūd dalam Sunan Abi Dāwūd

dalam Kitab: البيوع, Bab: في الرقبى, 2: 265, dari ‘Abd Allah Ibn

Muhammad al-Nafilī. Imam Nasāi dalam Sunan Nasāi, Kitab: الرقبى,

Bab: ذكر الاختلاف على ابن أبي نجیح ..., 6: 226, dari Hilal Ibn al- Alā

Ibn Muhammad Ibn Maymūn, Bab: ذكر الاختلاف على ابن الزبير, dari

‘Abdiah Ibn al-Rahim, Muhammad Ibn Ḥatīm, Muhammad Ibn ‘Abd Allah Ibn Yā-

rī, Muhammad Ibn ‘Ubayd al-Kufi, dalam Kitab: العمري, dari Muhammad

Ibn Abd Allah Ibn Yazīd Ibn Ibrāhīm, Muhammad Ibn Abd al-A lā, Amru

Ibn Ali. Imam Ibn Majah dalam Sunan Ibn Mājah, Kitab: التجارات,<sup>86</sup>

Bab: بيع العرايا بخرمها تمرا, 2: 762, Bil. H. : 2268, dari

Ḥishām Ibn ‘Umar.

(iii)

## « أن النبي صلى الله عليه وسلم أمره أن يتعلم

## كتاب اليهود »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhārī dalam S. Bukhārī, Ki-

tab: الأحكام, Bab: ترجمة الحكم ..., : 120, dari Khārijah Ibn Zayd.

---

<sup>86</sup> al-Nabulusiy, ‘Abd al-Ghani, Dhakhā’ir al-Mawāriṭh Fī al-Dilālah Mawā-  
riṭh al-Hadīth, j. i, (Tehran: Nasir Khasrū, t.t.), m.s. 216, Kitab :

البيوع

Imam Abu Dāwūd dalam Sunan Abu Dāwūd, Kitab : في البيوع,<sup>87</sup> Bab: في

تفصيل العارية, 2: 286, dari Ahmad Ibn Yunus. Imam Tirmizi dalam Sunan Tirmizi, Kitab: الإستئذات, Bab: ما جاء في تعليم الربانية, 5: 67, Bil. H. : 2715, dari Ali Ibn Hajar.

(9)

« توضئوا مما مته النار »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam S. Muslim dalam Kitab: الحيف,<sup>88</sup> Bab: دلوهمو مما مته النار, 1: 272, Bil. H.:

351, dari Abd Malik al-Yazniy. Imam Nasāi dalam Sunan Nasāi, Kitab:

اللاهاره, Bab: دلوهمو مما غيرت النار, 1: 89, dari Hisham Ibn 'Abd Allah.

(10)

« انزلت هذه الآية (ومن يقتل مؤمنا متعمدا) »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dāwūd di dalam Sunan Abi

Dāwūd, Kitab: الفتن واللاحم, Bab: في تعظيم قتل المؤمن,

2: 419, dari Muslim Ibn Ibrahim. Imam Nasāi dalam Sunan Nasāi, Kitab:

المجاربة, dari 'Amrū Ibn Ali, Muhammad Ibn Bashār dan Muhammad Ibn Ma'nā.<sup>89</sup>

<sup>87</sup> Ibid, Kitab: العلم

<sup>88</sup> Ibid, Kitab: الطهارة

<sup>89</sup> Ibid, dalam Sunan Nasāi penulis tidak temui.

(11)  
« كنت إلى جنب رسول الله صلى الله عليه وسلم فقنيت  
لكينة فوقعت فخذ رسول الله صلى الله عليه وسلم  
على فخذى »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dāwūd dalam Sunan Abi Dāwūd  
di dalam Kitab: الجهاد , Bab: الرجعة في القعود من العذر ,  
dari Sa'id Ibn Mansur al-Kharāsaniy.

(12)  
« كان النبي صلى الله عليه وسلم يقرأ (غير اولى الضمير) »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dāwūd dalam Sunan Abi Dā-  
wūd, Kitab: الحروف والقراءات , Bab: اول كتاب الحروف والقراءات ,  
2: 356, dari Sa'id Ibn Mansur dan Muhammad Ibn Sulaiman al-Anbāriy.

(13)

« ارسل الى ابوبكر مقتل اهل اليمامة وعنده عمر . الحديث  
في جمع القرآن . وفيه ( انه فقد آية من سورة التوبة  
وآية من سورة الأعراف فوجدتها مع نسخة الأندلسي )

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhārī dalam S. Bukhārī ,



قوله لقد جاءكم رسول من انفسكم ... Bab: تفسير القرآن , Kitab:

210, dari Abi al-Yaman, juga diriwayatkan dalam Kitab: فضائل القرآن,

Bab: نزل القرآن بلسان نبي ... Bil. H.: 4665, dari

Abu al-Yaman, dalam Kitab yang sama, Bab: جمع القرآن , 19:

Bil. H.: 4667, dari Musa Ibn Ismail dan Ibn Shahab, juga dalam Kitab

yang sama, Bab: كاتب النبي صلى الله عليه وسلم , 19: 10, Bil. H. :

4669, dari Yahya Ibn Bukayr. Diriwayatkan juga dalam Kitab: التوحيد ,

Bab: وكان عمره على الماء وهو رب العرش العظيم , 25: 133, Bil.

H.: 6975, dari Musa, sementara dalam Kitab: الجهاد والسير , Bab:

قوله تعالى هل تربصون بنا

dalam Kitab: المنازى , Bab: غزوة اجد , 4: 31, dari Musa, da-

dalam Kitab: الاحكام , Bab: يستحب للكاتب ان يكون امينا ما قلنا ,

23: 229, Bil. H.: 6753, dari Muhammad Ibn 'Ubaydillah. Imam Tirmizi me-

diriwayatkan dalam S. Tirmizi , Kitab: تفسير القرآن , Bab: من سورة

التوبة , 5: 283, Bil. H.: 3103, dari Muhammad Ibn Bashār.

(14)

« انه رأى النبي صلى الله عليه وسلم تجرد لأهله واغتسل »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Tirmizi di dalam S. Tirmizi ,

Kitab: ما جاء في الغسل عند الإجماع , Bab: الحج , 2: 163, Bil.

H.: 831, dari Abd Allah Ibn Abi Ziyād.

(15)

« كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِبَتُوكَ فَتُرَى  
وَنَبِيحٌ وَهُوَ يَرَانَا لَا يَنْهَانَا »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Ibn Mājah dalam Sunan Ibn Mājah  
dalam Kitab: البراء والبيع في الغزو, Bab: المجاهد, Bil. H. :  
2823, dari 'Ubaydillah Ibn 'Abd al-Karīm.

(16)

« كُنَّا جُلُوسًا مَعَ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ فَسُئِلَ عَنْ صَلَاةِ  
الْوَسْطَى. فَقَالَ هِيَ صَلَاةُ الظُّهْرِ؟ كَانَتْ رَسُولُ  
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصَلِّي بِهَا بِالرَّجِيَّةِ »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dāwud di dalam Sunan Abi  
Dāwud, Kitab: الصلوة, Bab: في وقت صلاة العصر, 1: 98, dari  
Muhammad Ibn al-Mathna. Imam al-Muwatta' meriwayatkan di dalam Sunan  
Muwatta', Kitab: الصلوة الوسطى, Bab: صلوة الجماعة, 1: 139, Bil.  
H.: 27, dari Dāwud Ibn al-Huṣayn.

(17)

« بَيْنَمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَائِطِ ابْنِ الْخُبَّازِ  
عَلَى بَغْلَةٍ وَنَحْنُ مَعَهُ إِذْ جَاءَتْ بِهِ »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam S. Muslim, da-  
lam Kitab: عن سعد الميتة من الجنة, Bab: الجنة وصفة نعيمها وأهلها,  
4: 2199, Bil. H. : 2867, dari Yahya Ibn Ayub dan Abi Bakar Ibn Abi Shay-

(18)

« ان ذعبا نيب في ساة فذبحوها بمروة فرجع رسول  
الله صلى الله عليه وسلم في اكلها »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam al-Nasāi di dalam Sunan Nasāi  
dalam Kitab: في الضحايا, Bab: اباحة الذبح بالمروة, 7: 198, dari Mu-  
hammad Ibn Bashār. Imam Ibn Mājah meriwayatkan dalam Sunan Ibn Mājah,  
dalam Kitab: الذبايح, Bab: الفرقة والعتيرة, 2: 1057, Bil. H.: 3167,  
dari Abi Bishr Bakr Ibn Khalaf.

(19)

« كان الناس يتبايعون ولحمار قبل ان يبدو صلاها »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhāri di dalam S. Bukhāri,  
dalam Kitab: البيوع, Bab: بيع ولحمار قبل ان يبدو صلاها,  
3: 54, dari al-Layth. Imam Abu Dāwud meriwayatkan di dalam Sunan Abi  
Dāwūd, Kitab: البيوع, Bab: في بيع العرايا, 2: 226, dari Ahmad Ibn  
Salleh.

(20)

« ان النبي صلى الله عليه وسلم رجع في بيع العرايا »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhāri di dalam S. Bukhāri,  
Kitab: البيوع, Bab: بيع المزابنة, 8: 49, Bil. H.: 2048, dari

Yahya Ibn Bukair, al-Qa ni, Muhammad dan Abi al-Yaman. Diriwayatkan juga dalam Kitab: **الرب**, Bab: **الرجل يكون له عمر او شرب ...**, 81,

dari Muhammad Ibn Yusuf. Imam Muslim meriwayatkan hadith ini di dalam

S. Muslim, Kitab: **البيوع**, Bab: **تحريم بيع الرطب بالتمر الا في العرايا**,

3: 1168, Bil. H.: 1359, dari Yahya Ibn Yahya (tiga riwayat), Muhammad

Ibn Rafi', Muhammad Ibn Ramh, Abi al-Rabi', Abi Kamil, Muhammad Ibn 'Abd

Allah Ibn Namir. Imam Abu Dawud meriwayatkan di dalam Sunan Abi Dawud

dalam Kitab: **البيوع**, Bab: **في بيع التمار قبل ان يبدو صلاحها**,

2: 227, dari Ahmad Ibn Salleh. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam

Tirmizi di dalam Sunan Tirmizi, dalam Kitab: **البيوع**, Bab: **ما جاء**

**في العرايا والرخصة في ذلك**, 3: 585, Bil. H.: 1300, dari Hanad dan

Qutaybah. Imam Nasai meriwayatkan di dalam Sunan Nasai, Kitab: **البيوع**,

Bab: **بيع الكرم بالذبيب**, 7: 234, dari Qutaybah, 'Ubaydillah Ibn Sa'id,

'Isa Ibn Hamad, Abi Dawud al-Harani dan al-Harth Ibn Miskin. Imam Ibn

Majah meriwayatkan di dalam Sunan Ibn Majah, Kitab: **التجارات**, Bab:

**بيع العرايا بجزءها قرا**, 2: 762, Bil. H.: 2268, dari Mu-

hammad Ibn Rumh, Hisham Ibn 'Amar dan Muhammad Ibn al-Sabah. Muwatta'

pula meriwayatkan hadith ini di dalam Sunan Muwatta', Kitab: **البيوع**,

Bab: **ما جاء في بيع العرية**, 2: 619, Bil. H.: 14, dari Nafi'.

(21)

« ان النبي صلى الله عليه وسلم نهى ان تباع السلع حين  
تباع حتى يجوزها التجار الى رجالهم »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dāwūd di dalam Sunan Abi Dāwūd, dalam Kitab: في بيع الطعام قبل ان يستوفى, المبيع, Bab: 3: 282, Bil. H.: 3499, dari Muhammad Ibn 'Awf al-Ta'i.

(22)

« لواء الله عز وجل اهل سمواته واهل ارضه »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dāwūd di dalam Sunan Abi Dāwūd, Kitab: السنّة, Bab: في القدر, 2: 527, dari Muhammad Ibn Kathīr. Imam Ibn Mājah meriwayatkan di dalam Sunan Ibn Mājah, dalam Kitab: السنّة, Bab: في القدر, 1: 29, Bil. H.: 77, dari 'Ali Ibn Muhammad.

(23)

« لما خرج النبي صلى الله عليه وسلم إلى أحد رجع ناس من أصحابه وفيه فنزلت (فما لكم في المناقنين فشتين) »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhārī di dalam S. Bukhārī, Kitab: الجمعة, Bab: الجمعة, 8: 71, Bil. H.: 1765, dari Sal-mān Ibn Harb, dalam Kitab: المغازي, Bab: منزلة أحمد, 5: 31, dari Abi al-Walid, dalam Kitab: التفسير, Bab: فما لكم من المناقنين فشتين, 17: 83, dari Muhammad Ibn Bashār. Imam Muslim meriwayatkan di dalam S. Muslim, Kitab: الجمعة, Bab: المدينة, 2: 1006, Bil. H.: 1384, dari 'Ubaydullah Ibn Mu'az. Imam Tirmizi meriwayatkan di dalam Sunan Tirmizi, Kitab: تفسير القرآن.

Bab: من سورة النساء , 5: 239, Bil. H.: 3028, dari Muhammad Ibn Bashār.

(24)

« كنا عند النبي صلى الله عليه وسلم فؤلف القرآن  
من الرقاق فقال طوبى للشام »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Tirmizi di dalam Sunan Tirmizi dalam Kitab: المناقب, Bab: فضل الشام واليمن, 5: 734, Bil. H.: 3954, dari Muhammad Ibn Bashār.

(25)

« يغفر الله لزارع بن هريج. وفيه ذكر المحاقلة  
والمزارعة »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dāwūd di dalam Sunan Abi Dāwūd, Kitab: البيوع, Bab: المزارعة, 2: 231, dari Abi Bakr Ibn Abi Shaybah dan Musaddad. Imam Nasāi meriwayatkan hadīth ini di dalam Sunan Nasāi, dalam Kitab: السوء, dari Husain Ibn Muhammad.<sup>90</sup> Imam Ibn Majah meriwayatkan di dalam Sunan Ibn Mājah, Kitab: الرهنون, Bab: ما يكره من المزارعة, 2: 822, Bil. H.: 2461, dari Ya'akub Ibn Ibrahim al-Dawraqiy.

<sup>90</sup> Hadīth di dalam Sunan Nasāi ini penulis tidak temui.

(26)  
« انه قرأ على النبي صلى الله عليه وسلم النجم فلم يسجد فيها »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhārī di dalam S. Bukhārī ,  
Kitab: الصلاة , Bab: من قرأ سجدة ولم يسجد , 1: 190, dari Adam  
dan Sulaiman Ibn Dāwūd, dalam Kitab: سجود القرآن وسنتها , Bab: من  
قرأ سجدة ولم يسجد , 5: 153, Bil. H.: 1015 dan 1016, dari perawi yang  
sama. Imam Muslim meriwayatkan di dalam S. Muslim , Kitab: المساجد  
والمواضع الصلاة , Bab: سجود التلاوة , 1: 406, Bil. H.: 577, dari  
Yahya Ibn Yahya, Yahya Ibn Ayub, Qutaybah Ibn Sa'id dan Ibn Hujr. Imam  
Abū Dāwūd meriwayatkan di dalam Sunan Abi Dāwūd , Kitab: الصلاة ,  
Bab: من لم ير بسجود في المنهل , 1: 324, dari Hanād. Imam  
Tirmizi meriwayatkan di dalam Sunan Tirmizi , Kitab: الصلاة , Bab: ما جاء  
من لم يسجد فيه , 1: 466, Bil. H.: 576, dari Yahya Ibn Musa.  
Imam Nasāi meriwayatkan hadīth ini di dalam Sunan Nasāi , Kitab: الإفتتاح ,  
Bab: ترك السجود في النجم , 2: 124, dari 'Ali Ibn Hajr.

(27)

« امروا ان يسجوا بركل صلاة ثلاثا وثلاثين »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Nasāi di dalam Sunan Nasāi ,  
Kitab: السهو ,<sup>91</sup> Bab: نوع آخر من عدد التسبيح , 3: 76,

<sup>91</sup> Al-Nabuluciy, 'Abd al-Ghani, op. cit., Kitab: الصلاة

Bil. H.: 93, dari Musa Ibn Hazām.

(18)

« قال لي زيد بن ثابت ما لك تقرا في المغرب  
بقصار المنهل »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhārī di dalam S. Bukhārī,

Kitab: الأذان,<sup>92</sup> Bab: القراءة في المغرب, 1: 186, dari Abi 'Āsim

Imam Muslim pula meriwayatkan dalam S. Muslim, Kitab: صلاة المسافرين

, Bil. H.: 553, Bab: فصل قراءة القرآن وسورة البقرة, وقصرها

Bil. H.: 804, dari Hasan Ibn 'Alī. Imam Nasāī meriwayatkan di dalam Sunan

Nasāī, Kitab: الإفتاح,<sup>93</sup> Bab: القراءة في المغرب بالمعنى, 2: 169

Bil. H.: 67, dari Muhammad Ibn 'Abd al-A'lā dan Muhammad Ibn Salmah.

(19)

« ان النبي صلى الله عليه وسلم امل على ( لا يستوى  
القاعدون من الرضين ) ف جاء ابن ام مكتوم »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhārī di dalam S. Bukhārī,

Kitab: الجهاد والسير, Bab: ( لا يستوى القاعدون من الرضين ),

11: 126, Bil. H.: 2636, dari 'Abd al-'Aziz Ibn 'Abd Allah, dalam Kitab:

لا يستوى القاعدون من الرضين والجهاد في سبيل الله, التفسير

<sup>92</sup> Ibid, Kitab: الصلاة

<sup>93</sup> Ibid, Kitab: الصلاة



85, Bil. H.: 4278, dari Ismail Ibn 'Abd Allah.<sup>94</sup> Imam Tirmizi me-  
riwayatkan hadīth ini pula di dalam Sunan Tirmizi, Kitab: تفسير القرآن,  
Bab: من سورة النساء, 5: 242, Bil. H.: 3033, dari 'Abd Ibn Humayd.  
Imam Nasāi meriwayatkan di dalam Sunan Nasāi, Kitab: الجهاد, Bab: فضل  
المجاهدين على القاعدتين, 6: 8, dari Muhammad Ibn Yahya Ibn 'Abd Allah  
dan Muhammad Ibn 'Abd Allah Ibn Bazīgh.

(30)

« امرنا رسول الله صلى الله عليه وسلم ان لا  
نكتب شيئاً من حديثه »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dāwūd di dalam Sunan Abi  
Dāwūd, Kitab: العلم, Bab: في كتاب العلم, 2: 286, dari Nasr Ibn  
'Ali.

(31)

« دخلت على النبي صلى الله عليه وسلم وبين يديه  
كاتب فسمعت يقول صنع القلم على أذنك »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Tirmizi dalam Sunan Tirmizi,  
Kitab: الإستئذان, Bab: ما جاء في ترقيب الكتاب, 5: 67, Bil. H.: 2714  
dan dari Qutaybah.

---

<sup>94</sup> Ibid, Kitab: الصلاة

(32)

« كيف نرى في قراءة القرآن في سبع؟ »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwatta' dalam Kitab: القرآن<sup>95</sup>, Bab: ما جاء في ترتيب القرآن, 1: 200, Bil. H.: 4, dari Yahya Ibn Sa'id.

(33)

« كان يقول في الرجل يطلق الأمة ثلاثاً  
ثم يترهبها »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwatta' dalam Kitab: النكاح, Bab: ما جاء في الرجل يملك امرأته..., 2: 537, Bil. H.: 30.

(34)

« ملكت امرأتى امرها ففارقتنى »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwatta' dalam Kitab: الطلاق, Bab: ما يجب فيه تلبية واحدة من التملك, 2: 554, Bil. H.: 12, dari Sa'id Ibn Sulaiman.

(35)

« ان نفيها استفتى زيد بن ثابت فقال : اني  
طلقت امرأة مرة ؟ »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwatta'

dalam Kitab: الطلاق, Bab: ما جاء في طلاق العبد, 2: 574, Bil. H.: 49, dari 'Abd Rabb Ibn Sa'id.

(36) « في العزل عن الجوارى »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwatta', Kitab: الطلاق, Bab: ما جاء في العزل, 2: 595, Bil. H.: 99, dari Damrah Ibn Sa'd al-Mazni.

(37) « انه كان لا يبيع ثماره حتى تطلع البوايا »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwatta', Kitab: البيوع, Bab: الثمار حتى يبدوا يباعها, 2: 619, Bil. H.: 13, dari Abi al-Zanad.

(38) « رجل يسيب اهله ثم يكل ولا ينزل »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwatta', Kitab: الطهارة,<sup>96</sup> Bab: واجب الغسل اذا التقى الحتانان, 1: 47, Bil. H.: 74, dari Yahya Ibn Sa'id.

(39) « ان الاغوصى ملك بالكام حين دخلت امراته في الدم من الحيضة الثالثة وقد كان طلقها »

<sup>96</sup> Ibid, Kitab: الصلاة

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwat-  
ta', Kitab: الطلاق, Bab: طلاق الحائضه ,  
2: 577, Bil. H.: 56, dari Nafi' dan Zayd Ibn Aslam.

(40)

« عن عبید بن صہام بن موی السہامی انه قال : بعثت  
بنی زالی ورضیه فآلت عن ذلك زید ابنه ثابته »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwat-  
ta', Kitab: النهی عن بیع الخمار من ید ویدها , Bab: البیوع ,  
2: 619, Bil. H.: 13, dari Abi al-Zanād.

(41)

« ان مروان بن الحكم اتى بأنتساء قد اختلفت  
متاعا ورضیه فقال زید : فلیس فی الخلة قطع »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwat-  
ta', Kitab: الحدود, Bab: ما لا قطع فيه , 2: 840, Bil. H.:  
34, dari Abi Shihāb al-Zuhriy.

(42)

« ان زید بنه ثابته كان يقول فی العین القائمة  
لذا طغنت مائة دينار »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwat-  
ta', Kitab: العقول, Bab: اذا ذهب بعقلها ,

(43) « إن معاوية بن أبي سفيان كتب إلى يزيد بن  
ثابت يسأله عن الجد ؟ »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwat-  
ta', Kitab: الفرائض, Bab: ميراث الجد, 2: 510, Bil. H.: 1, dari  
Yahya Ibn Sa'id.

(44) « إذا دخل الرجل بامرأته فأرخت عليها الستور »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwat-  
ta', Kitab: النكاح, Bab: ارضاء الستور, 2: 528, Bil. H.: 13,  
dari Ibn Shihāb al-Zuhriy.

(45) « سئل يزيد بن ثابت عن رجل تزوج امرأة  
ثم فارقها قبل أن يسيبها »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwatta',  
Kitab: النكاح, Bab: بإلا يجوز من نكاح الرجل أم امرأته,  
2: 533, Bil. H.: 22, dari Yahya Ibn Sa'id.

(46) « دخل علي بن زيد بن ثابت وأنا بالاصواف  
قد اهلدت نفسي »

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muwatta' di dalam Sunan Muwat-

ta', dalam Kitab: الجامع, Bab: ما جاء في تحريم المدينة, 2: 890

Bil. H.: 13, dari seorang lelaki.

Jika diteliti kepada hadīth-hadīth Zayd sebagaimana yang dikemu-  
kakan di atas, jelas menunjukkan bahawa Zayd adalah seorang ulama yang  
agung. Hadīth-hadīthnya tidak hanya tertumpu kepada satu bidang sahaja  
tetapi mencakupi berbagai bidang. Hadith-hadithnya menyentuh aspek ke-  
hidupan di dunia dan juga di akhirat yang semestinya dijadikan panduan  
umat Islam seluruhnya.<sup>97</sup>

---

<sup>97</sup> Sila lihat lampiran C.